

Dalam Adat Perpatih yang dikatakan bercorak demokratis itu, sebahagian besar rakyat tidak berhak untuk menjadi atau memegang jawatan Datuk Undang Luak, juga tidak mempunyai syarat-syarat yang termosti. Padahal jawatan tersebut adalah satu jawatan yang dipilih oleh orang ramai.

ADAT PERPATIH TIDAK DEMOKRATIS

H. A. HAMIDI JORA

DM Jan 75

Ada orang berkata Adat Perpatih adalah suatu amalan hidup yang demokratis, suci-murni dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi

lagi wujud sebagaimana yang diperkatakan oleh setengah-setengah orang. Dan sepanjang yang saya tahu, mereka yang memuji Adat Perpatih adalah semata-

"Adat Perpatih Tidak Demokratis" Ditegur

REDZWAN DATUK RAJA MOHD. DOM

Dalam DM keluaran 15 Januari 1975 Sdr H.A. Hamidi telah mengemukakan tinjauannya tentang Adat Perpatih. Apa yang menarik perhatian saya apabila membaca artikelnya ialah ketidaktelitiannya mempersoalkan Adat Perpatih dan memperkatakannya secara jengkel. Sdr H.A. Hamidi cuma meninjau Adat Perpatih secara keseluruhan sehinggakan misalnya beliau membuat persamaan cara melantik Undang antara Luak-luak. Walaupun cara perlantikan Undang dan segititik cara pentadbirannya terdapat beberapa perbezaan. Di Rembau Undang Berlembaga, di Sungai Ujung (Seremban) Undang Berteromba, di Jelbu Undang Berkeadilan dan di Johol Undang Bersilah-silah. Pihak-pihak berkenaan juga tidak boleh mencampuri hal-ehwal Luak yang lain. "Bertompok bak kurap, berlopak bak sawah, berompok bak masing-masing, hak orang jangan di perompok, ompok awak jangan diagih". Tapi ini tidak bermakna Adat Perpatih itu kacau bilau dan tidak ada aturcara untuk diamalkan tetapi ianya menuju satu haluan dan matlamat "Adat Perpatih, Adat Datar Pesaka Satu". Jadi tidaklah bijak bagi Sdr H.A. Hamidi mencaci kepincangan cara perlantikan Undang, dan juga cara

pembahagian harta pesaka secara keseluruhan.

Perlu rasanya saya catatkan asal usul Adat Perpatih supaya kita dapat membuat penilaian yang terperinci terhadap pandangan Sdr H.A. Hamidi.

Di zaman purbakala "kok tahun tidak dapat dikatakan, kok bulan tidak dapat dikira", berlakulah satu Perhimpunan Agung (Mesyuarat Ramai) yang mengandungi cerdik pandai, alim pendita, raja dan bona, mulia dan hina, kerajaan dan rakyat untuk mencari satu pegangan hidup atau undang-undang hidup yang berseesuaian antara hukum syarak dengan hukum hidup iaitu "adat". Adat yang unggul, terpakai buat selama-lamanya selagi ada "peredaran cekrawala, matahari dan bulan, bumi dan langit, selagi gagak berbulu hitam, bangau berbulu putih", selama itulah adat atau hukum hidup ini dipakai. Mereka mengeluarkan hujah dan idea masing-masing untuk membentuk apa yang dikatakan "adat" itu dengan berteraskan empat konsep. Pertama Kuala Allah, kedua Kuala Nabi, ketiga Kuala Tua dan keempat Kuala Resam Negeri. Keputusan yang seia sekata inilah dikatakan muafakat, hingga lahirnya perbilangan "kok kecil dikatakan mua-

adalah juga harta kepada si isteri. Dalam adat, rasa kepunyaan tidak ada langsung bagi suami terhadap harta pusaka isterinya. Perasaan menumpang rumah atau tanah kepunyaan isteri sangat-sangat dirasakan oleh seseorang suami jika hidup berkeluarga dengan keluarga isterinya.

Oleh itu tidak hairanlah jika tanah pusaka banyak yang tidak begitu produktif dari segi ekonomi. Daya utama dan daya usaha mengerjakan tanah pusaka seperti mengerjakan sawah padi selalunya datang dari si isteri. Si suami hanya menurut, mungkin kerana terpaksa menjalankan tanggungjawab terhadap anak dan isteri. Kaum laki-laki akan lebih

fakat, kok besar dikatakan adat, alah adat dek muafakat". Perhimpunan itu melahirkan perbilangan "adat bersendi hukum, hukum bersendikan kitab Allah" kerana di dalam perhimpunan itu ada wakil segenap lapisan masyarakat, mengeluarkan pendapat dan hujah berasaskan keahlian masing-masing. "Kok yang alim berdasarkan Kitab Allah, kok yang cerdik pandai dengan alasan yang tepat, sukar hendak diungkit-ungkit. Sah hukum kerana hadis dan firman, sah adat kerana berkias dan bertauladan".

Kuala Allah dimaksudkan "nak tahu syarat dengan rukun, halal dan haram, sah dan batal"; Kuala Nabi "menjunjung titah dan perintah, buat yang disuruh, menghentikan yang ditegah"; Kuala Tua "tahu yang kecil dari yang gedang (besar), tahu yang gedang dari yang tua, tahu yang tua dari melihat dan dek berbuat (pengalaman)"; dan Kuala Resam Negeri "Hukum bersendi dengan adat, sah adat dek kias dan tauladan". Kesimpulannya, di dalam Adat Perpatih telah tersedia mengandungi hukum hidup yang kongkrit, kukuh, "tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas, dianjak layu, dicabut mati" serta berseesuaian untuk diamalkan. Tidakkah menghairankan jika sarjana Barat sendiri seperti Winstedt menganggap Adat Perpatih salah satu hasil Hukum Kanun Melayu di zaman lampau.

KEDATANGAN ADAT

Di sini saya lebih menitikberatkan Adat Perpatih di Rembau, kerana dikaji dari kata-kata perbilangan dan sejarahnya

Luak Rembaulah yang pertama-tama menerima kedatangan Adat Perpatih iaitu kira-kira pada tahun 1338M. Ini dikuatkan lagi dengan kedatangan orang-orang Minangkabau dan berkahwin dengan perempuan asli Rembau dalam tahun yang sama. Dengan itu juga lahirnya jurai keturunan Suku Biduanda Waris yang mempusakai Jawatan Datuk Undang. Kata perbilangan "Tatkala alun beralun, sumek sumita satu pun belum, kok langit segedang payung, bumi selebar talam, alam belum berja, Luak belum berpenghulu, bilang belum beratur, duduk belum bertentu,bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau, bersultan ke Johor, turun dari Pagar Ruyung..... selamat sempurna pelayaran, sampai ke tanah Rembau, naik ke Gunung Datuk....." (Gunung Datuk kini dijadikan tempat perkemahan).

Sdr H.A. Hamidi menyanjung demokrasi, ".....bebas bercakap, menulis, berfikir dan menjalani penghidupan menurut aturan-aturan yang tidak terkeluar dari landasan undang-undang" Apakah dengan mencaci Adat Perpatih dan percubaan menelanjangi ketidakadilan pemilihan Undang tanpa bukti-bukti yang kukuh itu satu amalan hidup yang berperaturan? Apakah dengan menyentuh hak Undang itu selaras dengan amalan demokrasi sehingga sanggup membelakangkan teras Rukunegara yang kelima iaitu "Kesetiaan pada Raja dan Negara"? Pada pendapat saya, cara pemilihan Undang dan pentadbiran Adat Perpatih adalah lebih demokratis, malah demokrasi di negara ini adalah ikutan demokrasi Adat Perpatih.

Dalam Adat Perpatih terdapat tiga peringkat Majlis Mesyuarat:

- (1) Majlis Mesyuarat Buapak (peringkat rendah)
- (2) Majlis Mesyuarat Lembaga (peringkat tinggi)
- (3) Majlis Mesyuarat Undang (peringkat tertinggi) atau kata pemutus.

Ini dapat dikuatkan lagi dengan perbilangan adat: "Bulat waris (anak buah) melantik Besar Berlingkungan dan disahkan oleh Buapak. Bulat Besar dan waris melantik Buapak dan disahkan oleh Lembaga. Bulat Lembaga melantik Undang dan disahkan oleh keadilan (kerajaan). Jelaslah semua ahli yang duduk dalam Majlis Mesyuarat yang tersebut

tadi adalah dipilih mengikut suara ramai. Kerap kali terdapat calon yang bertanding lebih dari seorang, dalam suku yang mewarisi hak untuk jawatan itu. Maka terjadilah pemilihan "Besar Berlingkungan". Jika hendak melantik Undang pada mulanya hendaklah dengan sebulat suara dari waris yang dua iaitu Lela Maharaja dan Sedia Raja, yang merangkumi lapan buah kampung. (Lantikan Undang dibuat bergilir-gilir di kalangan kampung-kampung ini). Buapak menentukan calon yang berhak bertanding jika sampai giliran kampungnya. Kemudian diadakan satu pemilihan muktamad oleh Datuk-Datuk Lembaga dan Tiang Balai. Dengan itu tidak terlihat oleh saya kepincangan dalam pemilihan Undang dalam lingkungan Adat Perpatih. Jika berlaku penyelewengan, Adat tidak boleh disalahkan, tapi masyarakat itu sendiri.

BERDASARKAN USUL

Timbul pertanyaan, kenapa jawatan Undang tidak terbuka kepada semua suku? Telah dinyatakan "berompok hak masing-masing, ompok orang jangan diperompok" dan "Adat atas tumbuhnya". Ini bermakna setiap perkara yang diadatkan atau perbuatan yang dilakukan itu adalah berdasarkan tumbuhnya (usul), sama ada tumbuh di gunung, di lereng atau di Lurah. Setiap tempat itu pula berlainan adatnya dan mempunyai hak kuasa yang berasingan. Umpamanya tumbuh di gunung itu adalah hak kuasa Raja dan Undang, begitu juga seterusnya hingga sampai ke Bencah adalah hak orangramai. Kata perbilangan "..... selamat sempurna pelayaran, sampai ke Tanah Rembau, naik ke Gunung Datuk". Kita sedia maklum ramai orang asli tinggal di gunung-gunung. Jadi orang asli di Rembau tinggal di Gunung Datuk dan berkahwin dengan orang Minangkabau yang mendatang hingga melahirkan jurai keturunan yang mempusakai jawatan Datuk Undang sekarang. Oleh itu "berompok hak masing-masing dan ompok orang jangan diperompok" adalah demokratis dan rasional dalam ukuran kehidupan zaman sekarang.

Dalam amalan Adat Perpatih tidak ada perbezaan antara manusia baik antara suku, mahupun antara orang-orang

semenda. Perbezaan darjat dan pangkat bukanlah yang diadatkan, malah adalah sikap semula jadi manusia saja. Jadi tidaklah adil dengan sebab sikap masyarakat adat pula dicaci. Perbilangan "disuruh pergi dipanggil datang" dan "kok tepok disuruh menjaga jemuran, kok buta disuruh menghembus lesung, kok tuli disuruh membakar meriam, kok bijak diharapkan buah fikiran dan kok kaya hendakkan ringgitnya" bukanlah bermaksud untuk membezakan taraf orang semenda, malah masyarakat Adat Perpatih tidak memandang darjat seseorang apabila menerima orang semenda. Sebaliknya masyarakat tetap menghargai tidak kira ia tepok, buta, tuli atau kaya kerana setiap sifat kekurangan itu ada manfaatnya. Setiap orang semenda, bermula sahaja mendirikan rumahtangga telah tersedia "kok tanah sekangkang kera, kok sawah bak selopak" untuk dikerjakan bagi menyara hidupnya. Walaupun ia datang sehelai sepinggang.

Dari segi harta pusaka (tanah) tidak seorang pun yang harus memilikinya, baik anak perempuan mahupun anak lelaki. Sebenarnya harta pusaka ialah hak Lembaga. Kalau dikatakan harta pusaka itu hak anak perempuan kenapa harta pusaka tidak boleh dijual beli? Juga kenapa anak lelaki (jika tidak ada adik beradik perempuan) boleh mengerjakannya dan seterusnya "memakan" hasil darinya? Pihak perempuan hanya berhak atas nama saja dan ini semata-mata untuk memudahkan pentadbirannya, seperti membayar cukai. Masalah milik harta pusaka tidak seharusnya timbul dalam Adat Perpatih.

Sdr H.A. Hamidi telah menyalahkan Adat Perpatih kerana berlakunya kehijrahan atau berlakunya penyertaan anak lelaki dalam Rancangan Tanah Pinggir atau Felda. Mereka ini bukannya bertujuan untuk lari dari kandungan adat "hidup dikandung adat, mati dikandung tanah" tetapi sebaliknya telah menyahut seruan kerajaan untuk sama-sama menjayakan rancangan-rancangan pembangunan. Pun semangat warisan Datuk Perpatih Nan Sebatang telah membuatkan mereka berani merantau mencari harta. Sudah terbilang Datuk Perpatih bijak dalam hal mencari harta dan meneroka tanah baru.